KERAJAAN MALAYSIA A

lwn.

HOLIDAY PLAZA SDN BHD

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, JOHOR BAHRU B
KAMARDIN HASHIM PK
[GUAMAN SIVIL NO: MT4-22-68-2008]
15 MEI 2009

PROSEDUR SIVIL: *Penghakiman - Penghakiman terus - Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi 1980, A. 14 - Permohonan memasukkan penghakiman terus - Menuntut terhadap defendan jumlah cukai pendapatan yang masih tertunggak - Sama ada bukti yang cukup untuk mahkamah memberikan penghakiman terhadap defendan - Sama ada isu-isu yang ditimbulkan defendan bona fide dan mempunyai merit* C D

UNDANG-UNDANG HASIL: *Cukai pendapatan - Taksiran - Tuntutan bayaran cukai belum dibayar - Isu-isu - Sama ada jumlah yang kena dibayar wajib dibayar - Sama ada defendan ada buat rayuan terhadap Special Commissioner of Income Tax seperti diperuntukkan di bawah s. 99 Akta Cukai Pendapatan 1967 - Sijil di bawah s. 142(1) Akta Cukai Pendapatan 1967 dikeluarkan mengesahkan cukai pendapatan kena dibayar oleh defendan - Sama ada bukti dan keterangan yang mencukupi untuk mahkamah memasukkan penghakiman terus terhadap defendan - Akta Cukai Pendapatan 1967, ss. 103(2), (4), (5), (5A) & 107C(9) & (10)* E F

Plaintif telah memohon kebenaran untuk memasukkan penghakiman terus terhadap defendan bagi jumlah RM5,167,501.47 bersama faedah dan kos di bawah A. 14 k. 1 Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi 1980. Plaintif, melalui Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDN), menuntut terhadap defendan jumlah tersebut yang merupakan jumlah cukai pendapatan yang masih tertunggak bagi tahun taksiran 2002, 2003 dan 2004. Jumlah tersebut termasuk jumlah kenaikan-kenaikan yang dikenakan atas kegagalan dan kelewatan defendan membuat bayaran dalam had masa yang ditetapkan di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967 ('Akta'). Jumlah yang dituntut tersebut juga adalah jumlah setelah menolak semua bayaran yang telah dibuat oleh defendan. Dalam menjawab tuntutan plaintif, defendan mengatakan mereka telah membayar cukai perkhidmatan yang melebihi jumlah yang sepatutnya di mana defendan telah membuat tuntutan bayaran balik 'excess' sebanyak RM860,923.02 sejak tahun 2005. Defendan menyatakan G H I

A Kementerian Kewangan telah memberikan persetujuan untuk 'set off' jumlah 'excess' tersebut bagi cukai pendapatan yang dikenakan terhadap defendan. Atas persetujuan tersebut, defendan hanya membayar RM600,000 sahaja untuk cukai pendapatan yang dikenakan. Oleh itu defendan berhujah plaintif diestop dari B menaikkan cukai pendapatan yang dikenakan terhadap defendan. Defendan juga mendakwa bahawa kenaikan-kenaikan cukai yang dikenakan adalah salah oleh kerana jumlah 'set off' tersebut telah tidak diambil kira oleh plaintif. Defendan juga mendakwa bahawa kenaikan-kenaikan cukai yang dikenakan oleh plaintif adalah tidak C berpatutan dan seharusnya tidak dibenarkan. Pegawai Undang-Undang LHDN mewakili bagi pihak plaintif berhujah perkara-perkara berikut: (i) Akta menetapkan sebaik sahaja notis taksiran diterima, jumlah yang kena dibayar adalah wajib dibayar tanpa mengira sama ada orang itu membuat rayuan atau tidak terhadap D taksiran itu; (ii) pembelaan defendan bahawa cukai yang ditaksirkan dan kenaikan cukai yang tidak berpatutan dan salah kiraan tidak berkaitan kerana perkara tersebut boleh dirayu kepada 'Special Commissioner of Income Tax', tetapi tiada tindakan diambil oleh defendan untuk berbuat demikian; (iii) satu sijil di bawah s. 142(1) E Akta telah pun dikeluarkan oleh LHDN yang mengesahkan bahawa cukai pendapatan berjumlah RM5,167,501.47 adalah genap masanya dan kena dibayar oleh defendan adalah bukti dan keterangan yang mencukupi untuk mahkamah memasukkan penghakiman atas jumlah yang dinyatakan terhadap defendan.

F

Diputuskan (membenarkan permohonan plaintif untuk memasukkan penghakiman terus terhadap defendan):

(1) Seksyen 103(2), (4), (5), (5A) dan s. 107C(9) and (10) Akta memberi kuasa kepada LHDN mengenakan kenaikan cukai G sekiranya berlaku kelewatan atau kegagalan membayar cukai yang ditaksirkan dalam had masa yang ditetapkan. Kenaikan cukai 10% juga dikenakan terhadap defendan oleh kerana terdapat perbezaan melebihi 30% antara cukai yang kena H dibayar dengan anggaran cukai yang dikemukakan oleh defendan. Oleh itu kenaikan cukai yang dikenakan terhadap defendan adalah teratur serta selaras dengan peruntukan-peruntukan yang tersebut di atas. Semua cukai yang patut dan kena dibayar oleh defendan boleh didapatkan kembali oleh I Kerajaan Malaysia melalui prosiding sivil sebagai satu hutang yang patut dibayar kepada kerajaan menurut s. 106(1) Akta. Selanjutnya menurut s. 106(3) Akta, mahkamah tidak boleh melayan apa-apa pli bahawa amaun cukai yang hendak

didapatkan kembali adalah berlebihan, ditaksir dengan tidak betul, di bawah rayuan atau dinaikkan dengan tidak betul. Pihak yang sepatutnya mendengar pli-pli tersebut adalah Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan seperti diperuntukkan di bawah s. 99 Akta. Seterusnya, satu sijil atau perakuan telah dikeluarkan di bawah s. 142(1) Akta. Perakuan ini adalah bukti yang mencukupi untuk mahkamah memberikan penghakiman terhadap defendan. Sebaik sahaja perakuan ini dikeluarkan, jumlah cukai yang kena dibayar tidak boleh dipertikaikan lagi dan perakuan ini cukup memberi kuasa kepada mahkamah untuk memasukkan penghakiman bagi jumlah yang dinyatakan dalam sijil perakuan tersebut. (perenggan 12)

(2) Isu yang ditimbulkan oleh defendan iaitu berkaitan dengan 'excess' dan 'set off' tidak pernah dirujuk atau dirayu kepada Pesuruhjaya Khas di bawah s. 99 Akta. Isu tersebut juga tidak boleh sekarang ini ditimbulkan di mahkamah. Peruntukan Akta seperti sedia ada menghalang mahkamah daripada melayan dakwaan defendan tersebut. Lagi pun, isu tersebut adalah di luar pemakaian Akta oleh kerana perkara berkaitan dengan cukai perkhidmatan berada di bawah bidangkuasa pihak kastam serta tertaklok di bawah undang-undang yang berbeza. Apa yang didakwa oleh defendan hanya ada persetujuan lisan untuk 'set off' amaun tersebut. Tiada apa-apa bukti selain daripada hanya pengataan lisan tersebut. Tiada 'hitam putih' mengenai pengataan tersebut, siapa yang memberi jaminan atau yang membuat janji untuk 'set off' itu pun tidak dinamakan supaya pegawai tersebut boleh menjawab alegasi defendan tersebut. Memang defendan telah membangkitkan satu isu tetapi pada pandangan mahkamah isu ini bukanlah satu isu yang *bona fide* yang layak untuk dibicarakan dalam satu bicara penuh. Isu defendan itu langsung tidak mempunyai merit dan tidak berasas kerana afidavit defendan sendiri tidak memperincikan fakta-fakta berkaitan isu tersebut. (perenggan 17)

Kes-kes yang dirujuk:

Chong Woo Yit v. Government of Malaysia [1989] 2 CLJ 87; [1989] 1 CLJ (Rep) 9 SC ***(dirujuk)***

Government of Malaysia v. AR [1985] MTC 170 ***(dirujuk)***

Government of Malaysia v. Dato' Mahindar Singh [1995] 1 LNS 323 HC ***(dirujuk)***

Kerajaan Malaysia v. Abdul Rahim Mohd Aki [1994] 4 BLJ 376 HC ***(dirujuk)***

Kerajaan Malaysia v. Ong Kar Beau [2003] 1 LNS 188 HC ***(dirujuk)***

Sun Mun Tobacco Co Ltd v. Government of Malaysia [1973] 2 MLJ 163 ***(dirujuk)***

A **Perundangan yang dirujuk:**
Income Tax Act 1967, ss. 99(1), 103(1), (2), (4), (5), (5A), 103A(4), (5), (6), (7), (8), (9), (11), 106(1), (3), 107C(9), (10), 142(1)
Rules of the High Court 1980, O. 14 r. 1

B *Bagi pihak plaintif - Shoba Rajah Dorai Rajah, Pegawai Undang-undang LHDN*
Bagi pihak defendan - Ranjit Kaur; T/n Ranjit

Dilaporkan oleh Suhainah Wahiduddin

C

PENGHAKIMAN

Kamardin Hashim PK:

Permohonan Plaintif

D

[1] Melalui Saman Dalam Kamar di lampiran 12, plaintif memohon kebenaran untuk memasukkan penghakiman terus terhadap defendan bagi jumlah RM5,167,501.47 bersama faedah dan kos, di bawah A. 14 k. 1 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi
E 1980. Alasan-alasan permohonan plaintif dinyatakan dalam affidavit sokongan Nur Azli bin Azizi, Penolong Pegawai Hasil di Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDN) yang diikrarkan bertarikh 10 September 2008 (lampiran 12A). Defendan membantah permohonan plaintif melalui affidavit jawapan defendan yang
F diikrarkan oleh pengarah syarikat defendan, Kwan Ping Sum Susanna bertarikh 26 November 2008 (lampiran 14). Afidavit jawapan plaintif oleh deponan yang sama bertarikh 16 January 2009 di lampiran 17. Pembelaan defendan terhadap penyata tuntutan plaintif telah difailkan bertarikh 28 Mac 2008.

G

Latarbelakang Fakta Kes

[2] Plaintif, melalui LHDN menuntut terhadap defendan jumlah RM5,167,501.47 yang merupakan jumlah cukai pendapatan yang
H masih tertunggak bagi tahun taksiran 2002, 2003 dan 2004. Jumlah tersebut termasuk jumlah kenaikan-kenaikan yang dikenakan atas kegagalan dan kelewatan defendan membuat bayaran dalam had masa yang ditetapkan di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967 (Akta). Jumlah yang dituntut tersebut juga adalah jumlah setelah
I menolak semua bayaran yang telah dibuat oleh defendan. Defendan telah mengemukakan Borang Cukai Pendapatan Syarikat (Borang C) kepada plaintif bertarikh 31 Julai 2003 untuk tahun taksiran 2002 dan 2003 dan bertarikh 12 Ogos 2005 bagi tahun taksiran

2004. Tarikh-tarikh tersebut adalah dianggap sebagai tarikh cukai pendapatan ditaksirkan ke atas defendan dan juga dianggap sebagai notis taksiran bagi tahun-tahun tersebut.

Kes Pembelaan

[3] Dalam menjawab tuntutan plaintif, defendan mengatakan mereka telah membayar cukai perkhidmatan yang melebihi jumlah yang sepatutnya di mana defendan telah membuat tuntutan bayaran balik 'excess' sebanyak RM860,923.02 sejak tahun 2005. Defendan menyatakan Kementerian Kewangan telah memberikan persetujuan untuk 'set-off' jumlah 'excess' tersebut bagi cukai pendapatan yang dikenakan terhadap defendan. Atas persetujuan tersebut, defendan hanya membayar RM600,000 sahaja untuk cukai pendapatan yang dikenakan. Oleh itu defendan berhujah bahawa plaintif diestop dari menaikkan cukai pendapatan yang dikenakan terhadap defendan. Defendan juga mendakwa bahawa kenaikan-kenaikan cukai yang dikenakan adalah salah oleh kerana jumlah 'set-off' tersebut telah tidak diambil kira oleh plaintif. Defendan juga mendakwa bahawa kenaikan-kenaikan cukai yang dikenakan oleh plaintif adalah tidak berpatutan dan seharusnya tidak dibenarkan.

Hujahan Plaintif

[4] Pegawai Undang-Undang LHDN mewakili bagi pihak plaintif berhujah perkara-perkara berikut:

4.1 Defendan telah dimaklumkan jumlah pendapatan serta cukai pendapatan yang kena dibayar melalui borang C di mana notis taksiran telah disampaikan dengan sempurna ke atas defendan. Akta menetapkan sebaik sahaja notis taksiran diterima, jumlah yang kena dibayar adalah wajib dibayar tanpa mengira sama ada orang itu membuat rayuan atau tidak terhadap taksiran itu;

4.2 Pembelaan defendan bahawa cukai yang ditaksirkan dan kenaikan cukai yang tidak berpatutan dan salah kiraan tidak berkaitan. Perkara tersebut boleh dirayu kepada 'Special Commissioner of Income Tax', tetapi tiada tindakan diambil oleh defendan untuk berbuat demikian. Sekiranya pun ada rayuan dibuat, bayaran cukai tetap perlu dibayar terlebih dahulu;

A 4.3 Satu Sijil Di bawah sub-s. 142(1) Akta telah pun dikeluarkan oleh LHDN yang mengesahkan bahawa cukai pendapatan berjumlah RM5,167,501.47 adalah genap masanya dan kena dibayar oleh defendan adalah bukti dan keterangan yang mencukupi untuk mahkamah memasukkan B penghakiman atas jumlah yang dinyatakan terhadap defendan.

Hujahan Defendan

C **[5]** Peguam defendan mengulangi isu yang sama dalam pembelaan defendan iaitu isu 'excess' dan 'set-off' dan salah kiraan oleh plaintif oleh kerana tidak mengambil kira jumlah 'excess' dan 'set-off' tersebut. Peguam berhujah satu isu ini sudah cukup untuk kes ini dibicarakan dalam satu bicara penuh, sekali gus menolak D permohonan plaintif untuk penghakiman terus. Mengenai hujahan peguam plaintif bahawa isu 'excess' adalah berkaitan dengan cukai perkhidmatan, di bawah bidangkuasa Jabatan Kastam Diraja Malaysia manakala hal cukai pendapatan dibawah LHDN, peguam berhujah kedua-dua agensi kerajaan tersebut di bawah E Kementerian Kewangan, Kerajaan Malaysia (plaintif).

Pendapat Dan Keputusan Mahkamah

[6] Seksyen 99(1) Akta memperuntukkan prosedur rayuan kepada "Special Commissioners" terhadap taksiran yang dibuat F oleh Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri jika seseorang itu tidak bersetuju atau tidak puashati terhadap taksiran tersebut. Dalam kes ini, defendan tidak membuat apa-apa rayuan terhadap notis taksiran yang diserahkan kepada mereka. Seksyen 99(1) Akta memperuntukkan berikut:

G

> 99(1) A person aggrieved by an assessment made in respect of him may appeal to the Special Commissioners against the assessment by giving to the Director General within thirty days after the service of the notice of assessment made under section 92, within the first three months of H the year of assessment was following the year of assessment for which the assessment was made (or within such extended period as regards those days or months as may be allowed under section 100) a written notice of appeal in the prescribed form stating the grounds of appeal and containing such other particulars I as may be required by that form.

[7] Seksyen 103(1) Akta memperuntukkan dengan jelas bahawa cukai yang kena dibayar di bawah satu taksiran atau suatu taksiran komposit hendaklah di atas penyampaian notis taksiran atau taksiran komposit tersebut dikenakan dan dibayar di tempat-tempat yang dinyatakan dalam notis itu sama ada atau tidak orang itu merayu atau tidak terhadap taksiran itu. Seksyen 103 dan 103A Akta, setakat yang berkaitan, adalah memperuntukkan seperti berikut:

> 103(1) Subject to this section, tax payable under an assessment or a composite assessment shall on the service of the notice of assessment or composite assessment on the person assessed, other than a company to which section 103A applies, be due and payable at the place specified in that notice whether or not that person appeals the assessment.
>
> (2) Subject to this section, where tax payable under an assessment is increased on appeal, the additional tax payable by virtue of the increased assessment shall on the service of the notice of increased assessment on the person assessed, other than a company to which section 103A applies, be due and payable at the place specified in that notice, whether or not that person makes any appeal against the increased assessment.
>
> (3) Where any tax is payable in accordance with subsection (1) or (2) the Director General may allow the tax to be paid by installments in such amounts and on such dates as he may determine.
>
> (4) Subject to subsection (3), where any tax due and payable on the service of a notice in accordance with subsection (1) or (2) has not been paid within thirty days after the service of that notice (or within such longer period as may be allowed by the Director General), so much of the tax as is unpaid upon the expiration of those days or that period, as the case may be, shall without any further notice being served be increased by a sum equal to ten per cent of the tax so unpaid, and that sum shall be recoverable as if it were tax due and payable under this Act.
>
> (5) In any case to which subsection (3) applies, in the event of default in payment of any one installment on its due date for payment the balance of the tax then outstanding shall be due and payable on that date and shall without

A any further notice being served be increased by a sum equal to ten per cent of that balance, and that sum shall be recoverable as if it were tax due and payable under this Act.

B Provided that, where the installment to which the default relates is subsequently paid, the Director General may treat it as having been paid on its due date.

(5A) Where the tax due and payable has been increased under C subsection (4) or (5) any balance remaining unpaid upon expiration of sixty days from the date of such increase shall without any further notice being served be further increased by a sum equal to five per cent of the balance unpaid, and that sum shall be recoverable as if it were tax due and payable under this Act.

D (6) …

(7) … repealed …

(8) …

E (9) …

103A(1) This section shall apply only to companies.

(2) Except as provided in subsection (3), tax payable under an assessment for a year of assessment shall be due and F payable on the due date whether or not that company appeals against the assessment.

(3) Where an assessment is made under section 90(2A), 91, 92 or 96A or where an assessment is increased under G section 101(2), the tax payable under the assessment or increased assessment shall be due and payable on the service of the notice of assessment or composite assessment or increased assessment, as the case may be, on the company assessed whether or not that company appeals against the assessment or increased assessment.

H (4) …

(5) …

(6) …

I (7) …

(8) …

(9) ...

(10) ... deleted ...

(11) ...

(12) For the purposes of this section, "due date" means the last day of the sixth month from the date following the close of the accounting period.

[8] Seksyen 103(4), (5) dan (5A) memperuntukkan kenaikan cukai boleh dikenakan sekiranya bayaran tidak dibuat dalam tempoh masa yang ditetapkan. Begitu juga s. 103A(4), (5), (6), (7), (8) dan (9) mempunyai peruntukkan serupa iaitu sekiranya syarikat tersebut gagal membayar dalam tempoh yang ditetapkan, kenaikan cukai boleh dikenakan terhadap syarikat itu. Seksyen 103A(11) pula memperuntukkan jika sekiranya terdapat pengurangan cukai oleh Ketua Pengarah Percukaian, dan sekiranya apa-apa jumlah termasuk jumlah yang telah dinaikkan tersebut telah dibayar secara penuh maka pembayaran balik bagi jumlah terlebih bayar akan dilakukan.

[9] Walau bagaimana pun peruntukkan-peruntukkan di bawah s. 103 dan 103A Akta telah dipinda sepenuhnya melalui Akta Cukai Pendapatan (Pindaan) 2002 (Akta A1151) berkuatkuasa mulai tahun taksiran 2004. Pindaan tersebut telah memotong (deleted) keseluruhan s. 103A yang terpakai kepada syarikat dan s. 103 seperti yang terpinda terpakai bagi orang perseorangan dan juga syarikat. Pindaan tersebut ada berkaitan dengan kes di hadapan mahkamah sekarang oleh kerana kes ini juga melibatkan taksiran bagi tahun 2004. Walau bagaimana pun beban adalah terletak pada defendan untuk membuktikan bahawa taksiran serta kenaikan cukai yang dikenakan bagi tahun taksiran telah tidak mengambil kira peruntukan baru selaras dengan peruntukkan pindaan melalui Akta A1151 tersebut. Isu ini tidak pernah dibangkitkan oleh defendan pada mana-mana peringkat dalam prosiding ini.

[10] Dalam kes *Chong Woo Yit v. Government of Malaysia* [1989] 2 CLJ 87; [1989] 1 CLJ (Rep) 9, Mahkamah Agong memutuskan di Held (2) dan (3) seperti berikut:

(2) On service of a notice of assessment on the person assessed, the tax payable under the assessment becomes due and payable whether or not the person appeals against the assessment and would be recovered by the Government by civil proceedings as a debt due to the Government.

A (3) On such civil proceedings being brought by the Government, the court, unlike the Special Commissioners of Income Tax, has no power to entertain any plea that the amount of tax sought to be recovered is excessive, incorrectly assessed, under appeal or incorrectly increased.

B **[11]** Dalam kes *Kerajaan Malaysia v. Ong Kar Beau* [2003] 1 LNS 188, Zaleha Zahari J (ketika itu) telah membuat keputusan berikut:

My decision are as follows. The scheme of the Income Tax Legislation is clearly that, upon service of a notice of assessment
C on the person assessed, the tax payable under the assessment becomes due and payable at the place specified in the notice, whether or not that person appeals against the assessment. Failure to pay within the time prescribed would attract the provisions of the penalties provided for under ss. 103(4) and 103(5A) of the Act. The amount assessed and penalty imposed can be recovered
D by way of civil proceedings as a debt due to the government.

The court have consistently held, of which *Sun Mun Tobacco Co Ltd v. Government of Malaysia* [1973] 2 MLJ 163 is but one of a string of cases, that when civil proceedings are brought by the government to recover tax assessed, that court has no power
E entertain any plea that the amount of tax sought to be recovered is excessive, incorrectly assessed, under appeal, or incorrectly increased.

[12] Seksyen 103(2), (4), (5), (5A) dan s. 107C(9) dan (10),
F memberi kuasa kepada LHDN mengenakan kenaikan cukai sekiranya berlaku kelewatan atau kegagalan membayar cukai yang ditaksirkan dalam had masa yang ditetapkan. Kenaikan cukai 10% juga dikenakan terhadap defendan oleh kerana terdapat perbezaan melebihi 30% antara cukai yang kena dibayar dengan anggaran
G cukai yang dikemukakan oleh defendan. Oleh itu kenaikan cukai yang dikenakan terhadap defendan adalah teratur serta selaras dengan peruntukkan-peruntukkan yang tersebut diatas. Semua cukai yang patut dan kena dibayar oleh defendan boleh didapatkan kembali oleh Kerajaan Malaysia melalui prosiding sibil sebagai satu
H hutang yang patut dibayar kepada kerajaan menurut s. 106(1) Akta. Selanjutnya menurut s. 106(3) Akta, mahkamah tidak boleh melayan apa-apa pli bahawa amaun cukai yang hendak didapatkan kembali adalah berlebihan, ditaksir dengan tidak betul, dibawah rayuan atau dinaikkan dengan tidak betul. Pihak yang sepatutnya
I mendengar pli-pli tersebut adalah Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan seperti diperuntukkan di bawah s. 99 Akta. Mahkamah Persekutuan dalam kes *Sun Mun Tobacco Co Ltd v. Government of Malaysia (supra)* telah memutuskan:

... if the taxpayer wished to dispute that the amount of tax sought to be recovered was excessive, incorrectly assessed, under appeal or incorrectly increased he has to do so by way of appeal to the Special Commissioners.

Seksyen 106 Akta memperuntukkan berikut:

106.(1) Tax due and payable may be recovered by the Government by civil proceedings as a debt due to the Government.

(2) The Director General and all authorized officers shall be deemed to be public officers authorized by the Minister under subsection 25(1) of the Government Proceeding Act 1956 (Act 359), in respect of all proceedings under this section.

(3) In any proceedings under this section the court shall not entertain any plea that the amount of tax sought to be recovered is excessive, in correctly assessed, under appeal or incorrectly increased under subsection 103(4), (5), (5A), 103A(4), (5), (6), (7), (8) or 103A(9).

[13] Dalam kes *Government of Malaysia v. Dato' Mahindar Singh* [1995] 1 LNS 323, Ariffin Zakaria J (ketika itu) memutuskan:

The law is clear that once an assessment is made, the Inland Revenue Department can invoke sections 103 and 106 of the Act which make the tax payable under the assessment due and payable at the place specified in the notice of assessment upon service on the taxpayer of the notice whether or not the taxpayer appeals against the assessment. The taxes so due and payable may be recovered by the government by civil proceedings as a debt due to the government. Under section 106(3), the court is debarred from entertaining any plea which claims that the amount of taxes sought to be recovered is excessive, incorrectly assessed, under appeal or incorrectly increased under section 103(4), (5) or (5A).

[14] Abdul Aziz Mohamed J (ketika itu) dalam kes *Kerajaan Malaysia v. Abdul Rahim Mohd Aki* [1994] 4 BLJ 376 memutuskan:

.. but for a claim under section 106(1) there is a section 106(3) which says ... in any proceedings under this section the court shall not entertain any plea that the amount of tax sought to be recovered is excessive, incorrectly assessed, under appeal or incorrectly increased under section 103(4), (5) or (5A). What it means is that in any civil proceedings to recover income tax

A allegedly due and payable, the court must close its ears and shut its eyes to any suggestion or indications that the amount claimed is excessive or incorrectly assessed. It has the effect of making the amount claimed conclusively correct and unchallengeable in the civil proceedings to recover it and, consequently, of making the B judgment subsequently entered immune from subsequent challenge on the ground that the amount of judgment was excessive or incorrectly assessed.

[15] Dalam kes ini, satu sijil atau perakuan telah dikeluarkan di bawah s. 142(1) Akta. Perakuan ini adalah bukti yang C mencukupi untuk mahkamah memberikan penghakiman terhadap defendan. Sebaik sahaja perakuan ini dikeluarkan, jumlah cukai yang kena dibayar tidak boleh dipertikaikan lagi dan perakuan ini cukup member kuasa kepada mahkamah untuk memasukkan penghakiman bagi jumlah yang dinyatakan dalam sijil perakuan D tersebut. Seperti diputuskan oleh Arifin Zakaria J (ketika itu) dalam kes *Government of Malaysia v. Dato' Mahindar Singh (supra)*:

The said certificate is expressly provided to be sufficient evidence of the amount of taxes due from the defendant and gives the court sufficient authority to give judgment for the amount. The E intention of the legislature is clearly to overcome any plea by any taxpayer ... in order to delay the payment of the tax. For the court to entertain such a pleas would be to go against the express words of the Act.

F **[16]** Seksyen 142(1) Akta memperuntukkan:

142(1) In a suit under section 106 the production of a certificate signed by the Director General giving the name and address of the defendant and the amount of tax due from him shall be sufficient authority for the court to give G judgment for that amount.

[17] Satu isu yang ditimbulkan oleh defendan iaitu berkaitan dengan 'excess' dan 'set-off' tidak pernah dirujuk atau dirayu kepada Pesuruhjaya Khas di bawah s. 99 Akta. Isu tersebut juga H tidak boleh sekarang ini ditimbulkan di mahkamah. Peruntukkan Akta seperti sedia ada menghalang mahkamah daripada melayan dakwaan defendan tersebut. Lagi pun isu tersebut adalah di luar pemakaian Akta oleh kerana perkara berkaitan dengan cukai perkhidmatan berada di bawah bidangkuasa pihak kastam serta I tertakluk di bawah undang-undang yang berbeza. Setelah meneliti affidavit balasan defendan, tidak terdapat walau secebis bukti dan keterangan menunjukkan pengataan defendan sebagai berasas. Apa yang didakwa oleh defendan hanya ada persetujuan lisan untuk

'set-off' amaun tersebut. Tiada apa-apa bukti selain daripada hanya pengataan lisan tersebut. Tiada 'hitam-putih' mengenai pengataan tersebut, siapa yang memberi jaminan atau yang membuat janji untuk 'set-off' itu pun tidak dinamakan supaya pegawai tersebut boleh menjawab alegasi defendan tersebut. Memang defendan telah membangkitkan satu isu tetapi pada pandangan mahkamah isu ini bukanlah satu isu yang *bona fide* yang layak untuk dibicarakan dalam satu bicara penuh. Isu defendan itu langsung tidak mempunyai merit dan tidak berasas kerana affidavit defendan sendiri tidak memperincikan fakta-fakta berkaitan dengan isu tersebut.

[18] Dalam kes *Government of Malaysia v. AR* [1985] MTC 170, Arulanandom J telah memutuskan seperti berikut:

> 2. When proceedings are commenced under O. 14 the normal rules for triable issues do not apply to cases of this nature because of the provisions of the Income Tax Act. Normally when defence raised triable issues it is a rule of law that unconditional leave to defend should be given but under section 106(3) of the Income Tax Act it clearly states that in any proceedings commenced by the Government under section 106(1) of the Act for the recovery of tax by civil proceedings as a debt due to the Government the court shall not entertain any plea that the amount is excessive, incorrectly assessed, under appeal or incorrectly increased under section 103(4) or (5).
>
> 5. In the circumstances the appeal will be dismissed and leave to sign final judgment confirmed with costs.

[19] Atas alasan-alasan yang tersebut di atas, mahkamah membenarkan permohonan plaintif untuk memasukkan penghakiman terus terhadap defendan seperti dipohon di lampiran 12 dengan faedah dan kos serta kos untuk permohonan ini.